

**S'pura terbit strategi 5 serampang banteras biaya pengganasan**  
– Muka 2



**Mercy Relief kumpul \$90,000 bantu mangsa banjir Pakistan**  
– Muka 7



**Aturan selamat berdasarkan status vaksinasi ditiadakan**  
– Muka 5

## Ustaz Irwan lulus bidang guaman di SUSS

**PENUHI IMPIAN:** Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy berharap dapat memanfaatkan pengetahuan tentang undang-undang keluarga dan jenayah setelah tamat pengajian Program Doktor Juris. – Foto BH oleh KHALID BABA



JANGKAAN tinggi masyarakat terhadap kerencaman peranan asatizah di alaf baru merupakan antara sebab Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy, gigih menyertai Program Doktor Juris (Doktor Perundangan) di Sekolah Undang-Undang, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Hasratnya memperkasa diri dengan ilmu menyeluruh mengenai bidang perundangan yang kemudian membuka laluan untuknya mengambil peperiksaan bar untuk terima pentauliahian sebagai peguam.

Jerih payah membahagikan masa antara pengajian sambilan di SUSS, tugas sebagai Timbalan Pengarah Pejabat Mufti di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) ketika itu, komitmen selaku

ayah dan khidmat sukarela diharunginya selama empat tahun.

Semalam, Ustaz Irwan, 38 tahun, adalah antara 15 lulusan Program Doktor Juris yang menerima ijazah tamat pengajian possiswazah di sesi terakhir majlis konvokesyen SUSS.

Beliau difahamkan adalah asatizah pertama di sini yang lulus daripada program yang bertujuan mengisi ketandusan bekalan karyawan guaman dalam bidang undang-undang keluarga dan jenayah.

Ustaz Irwan, bapa tiga anak berusia antara dua setengah tahun dengan 11 tahun itu turut diuji dengan pemergian bapanya kerana radang otak pada tahun terakhir pengajian.

■ **Laporan lanjut**  
– Muka 2

# Ustaz ceburi bidang perundangan demi bantu pertingkat kesedaran masyarakat

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

SETELAH 15 tahun menggalas tanggungjawab sebagai ustaz, menasihati anggota masyarakat dalam pelbagai permasalahan berkaitan keluarga dan pembahagian harta pusaka, Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy yakin beliau amat memerlukan ilmu perundangan menyeluruh.

Bersandarkan pegangan ‘usah jemu memburu ilmu sepanjang hayat’, Ustaz Irwan, 38 tahun, yang ketika itu Timbalan Pengarah Pejabat Mufti di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), menyertai Program Doktor Juris (Doktor Perundangan) di Sekolah Undang-Undang, Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) empat tahun lalu.

Pengajian sambilan itu ditaja pihak pengurusan kanan Muis dan memberikannya ruang menyelongkar undang-undang keluarga dan undang-undang jenayah dengan latihan bekerja sambil belajar dijalani sebulan di mahkamah negara dan dua bulan di dua firma guaman swasta.

Semalam, Ustaz Irwan, bapa tiga anak berusia antara dua tahun setengah hingga 11 tahun, adalah antara 15 lulusan Program Doktor Juris yang menerima ijazah tamat pengajian di sesi terakhir majlis konvokesyen SUSS.

Difahamkan beliau adalah ustaz

pertama di sini yang lulus daripada Program Doktor Juris ini.

Ketika dihubungi *Berita Harian*, Ustaz Irwan yang merupakan anggota bersekutu Jawatankuasa Fatwa Muis, berkata:

“Dalam memberi nasihat sewaktu sesi kaunseling, ada ketikanya saya perlu menasihati individu tentang akibat tindakan mereka dari segi undang-undang keluarga atau jenayah.

“Justeru, saya berasakan saya perlu melengkap diri saya dengan ilmu pengetahuan perundangan lebih menyeluruh untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar lebih arif tentang kesan akibat perbuatan mereka dan mengambil pertimbangan sewajarnya sebelum melakukan sesuatu yang boleh menjerat mereka dalam kancuh jenayah.”

Ustaz Irwan yang memiliki ijazah sarjana muda dalam undang-undang Islam daripada Universiti Al-Azhar di Mesir dan ijazah sarjana undang-undang daripada Sekolah Pengajian Oriental dan Afrika (SOAS), Universiti London, berkata beliau meraih inspirasi daripada perjuangan dan sumbangan Allahyarham Ustaz Kamil Suhaimi, seorang ustaz dan peguam yang juga terlatih sepenuhnya dalam bidang syariah.

“Sejak sekian lama, kita mempunyai lulusan undang-undang Islam dan undang-undang sivil daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA) tetapi keadaan itu belum membolehkan mereka mengambil peperiksaan bar (guaman) dan mendapat pentauliah sebagai peguam di Singapura.

“Dengan ijazah Program Doktor Juris ini, mudah-mudahan saya dapat melanjutkan pengajian saya untuk disertakan dalam peperiksaan bar pada Disember ini dan lulus untuk meraih pentauliah guaman yang dicita-citakan,” jelasnya.

Ustaz Irwan menyedari tidak mudah mengambil pengajian sambilan yang menuntut fokus pada banyak bahan pembacaan dan tugas menulis secara padat dalam esei sebanyak 1,000 perkataan.

Sokongan pihak pengurusan kanan Muis, keluarga, sahabat sekuliah dan doa ibunya banyak membantunya mengharungi tempoh sukar dari segi fizikal, mental dan emosi.

Bapanya yang diserang angin ahmar selama 13 tahun dan kemudian hidapi jangkitan bakteria pada otak yang membawa pada radang otak selama empat tahun pula meninggal

dunia pada tahun terakhir pengajian Ustaz Irwan.

“Itulah detik paling sukar dan menyentak emosi saya sebab sebagai anak sulung, dalam saya sendiri tertekan dengan bermacam perkara di fikiran, saya juga perlu beri semangat buat ibu yang menjaga ayah selama ini,” ujarnya.

Di sebalik segalanya, Ustaz Irwan amat menghargai latihan amali yang dijalani termasuk latihan perbicaraan di hadapan hakim daerah kanan yang membuatnya dan rakan-rakan teruja bercampur gementar.

“Buat asatizah muda kita, saya harapkan pendakian ilmu mereka tidak akan terhenti termasuk jika ingin menceburi cabang lain. Carilah bidang tukikan atau minat sebaiknya melalui latihan formal tanpa mengabaikan latihan asas bahkan memperkaya peranan sebagai asatizah,” katanya.



**PERTINGKAT ILMU PERUNDANGAN:** Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy meraih ijazah Program Doktor Juris (Doktor Perundangan) daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) semalam. – Foto BH oleh KHALID BABA